

KHUTBAH JUMAAT

“TABAYYUN DALAM MENERIMA INFORMASI” (17 September 2021M/ 10 Safar 1443H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْعَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita peroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat. Pada hari Jumaat yang penuh keberkatan ini, marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk: “**TABAYYUN DALAM MENERIMA INFORMASI**”.

Saudaraku yang dikasihi sekalian,

Semenjak negara kita dan seluruh dunia diuji dengan pandemik COVID-19, hinggalah ke hari ini, bahkan sebelumnya lagi, media sosial dipenuhi dengan pelbagai informasi tanpa batasan sama ada sahih atau tidak. Antara isu yang timbul dan tersebar adalah seperti wujudnya konspirasi terhadap peristiwa wabak pandemik COVID-19, agenda illuminati, Freemason dan sebagainya. Begitu juga

tuduhan dan dakwaan ke atas para ulama dan mufti berkaitan dengan isu hukum larangan merentas negeri, penjarakan ketika solat berjemaah di masjid dan surau. Mereka dituduh telah memfatwakan hukum-hakam seperti mengikut telunjuk Yahudi Zionis dan sebagainya.

Golongan yang berkhidmat di masjid pula difitnah dan digambarkan sebagai penghalang untuk melakukan ketaatan kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Antara lain, isu-isu seharian kita seperti isu vaksin, produk halal, pematuhan S.O.P dan sebagainya. Moga kita tidak terjatuh dalam golongan penyebar fitnah, pencela, berpaling daripada kebenaran, dan seumpamanya. Sebaliknya tergolong dalam kalangan yang berpegang teguh dan istiqamah dalam ketaatan kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Moga kita semua diberi hidayah dan taufik serta dikurniakan keharmonian dan kesejahteraan hidup dunia dan akhirat.

Kaum muslimim yang dikasihi sekalian,

Perkongsian informasi tanpa batasan ini menyebabkan kita menerima berita dan maklumat yang palsu, tidak tepat dan tidak menyeluruh. Ia memberi kesan pembentukan persepsi yang salah atau tidak tepat terhadap hakikat sesuatu yang didengari. Pihak kerajaan mahupun rakyat ketika ini yang berhadapan dengan pandemik, terpaksa pula menghadapi ledakan informasi yang tidak dapat dipastikan kesahihannya di media sosial. Berita palsu, tidak tepat, hasutan dan seumpamanya, menjadi penyebab timbul keresahan, kebencian, berpaling daripada kebenaran dan

sebagainya dalam kehidupan kita. Seterusnya membawa kerosakan dalam kehidupan bermasyarakat dan juga bernegara. Ambillah pengajaran daripada firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah An-Nisa ayat 83;

وَإِذَا جَاءَهُمْ أَمْرٌ مِّنَ الْأَمْنِ أَوْ الْخَوْفِ أَذَاعُوا بِهِ ۖ وَلَوْ رَدُّوهُ إِلَى الرَّسُولِ وَإِلَىٰ أُولِي الْأَمْرِ مِنْهُمْ لَعَلِمَهُ الَّذِينَ يَسْتَنْبِطُونَهُ مِنْهُمْ وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ لَاتَّبَعْتُمُ الشَّيْطَانَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٨٣﴾

“Dan apabila datang kepada mereka sesuatu berita mengenai keamanan atau kecemasan, mereka terus menghebahkannya; padahal kalau mereka kembalikan sahaja hal itu kepada Rasulullah dan kepada – ‘Ulil-Amri’ (orang-orang yang berkuasa) di antara mereka, tentulah hal itu dapat diketahui oleh orang-orang yang layak mengambil keputusan mengenainya di antara mereka; dan jika tidaklah kerana limpah kurnia Allah dan belas kasihanNya kepada kamu, tentulah kamu (terbabas) menurut syaitan kecuali sedikit sahaja (iaitu orang-orang yang teguh imannya dan luas ilmunya di antara kamu).”

Imam Jalaluddin As-Sayuti dalam kitab tafsirnya menyatakan bahawa ayat ini diturunkan semasa peristiwa Nabi *sallallahu alaihiwasallam* meninggalkan isteri-isterinya, lantas tersebar khabar angin bahawa Baginda telah menceraikan isteri-isterinya. Menyedari keadaan tersebut, menyebabkan Sayyidina Umar *radiallahuanhu* bertindak membetulkan keadaan iaitu pergi ke pintu masjid dan

bersuara dengan suara yang tinggi serta menyatakan bahwa Nabi *sallallahu alaihiwasallam* tidak menceraikan isteri-isterinya. Setelah itu turunlah ayat tersebut.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Islam telah meletakkan garis panduan dalam menerima informasi. Antara sumber rujukan utama dalam penerimaan sesuatu berita adalah berdasarkan firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Al-Hujurat ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا
بِجَهْلَةٍ فَتُصِبْحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ ﴿٦﴾

Bermaksud: *“Wahai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasik membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti agar kamu tidak menimpakan suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu itu.”*

Imam At-Tobari melalui kitab tafsirnya, menjelaskan bahawa: Hendaklah kamu tabayyun dengan makna menanggung seketika informasi atau berita yang sampai kepada kamu sehingga kamu mengetahui dan yakin akan kebenarannya. Jangan sekali-kali kamu tergesa-gesa untuk menerimanya.

Imam As-Syaukani dalam kitabnya bertajuk Fathul Qadir pula menyebut bahawa yang dimaksudkan dengan tabayyun adalah memeriksa dengan teliti, berhati-hati dan tidak tergesa-gesa, serta melihat dengan keilmuan yang mendalam terhadap sesuatu

peristiwa dan khabar yang diterima, sehingga menjadi jelas dan terang baginya.

Imam Ibnu Kathir dalam kitab tafsirnya turut menyebut berkaitan ayat 6, Surah Al-Hujurat, bahawa Nabi *sallallahu alaihiwasallam* bersabda;

التَّسَبُّتُ مِنَ اللَّهِ وَالْعَجَلَةُ مِنَ الشَّيْطَانِ

“Mengambil langkah menyelidik itu ajaran Allah, manakala terburu-buru itu adalah bisikan syaitan.”

Sebagai seorang mukmin, sepatutnya mengambil sikap tidak terburu-buru untuk menyebarkan berita yang didengarinya lebih-lebih lagi informasi yang diterima daripada seorang fasiq. Fasiq bermaksud orang yang melakukan dosa besar jika pelakunya muslim. Orang yang tidak beriman juga turut digelar fasiq kerana melanggar fitrah dan hukum Allah. Cermat dalam menyebarkan informasi adalah sikap yang sepatutnya ada pada setiap insan yang beriman iaitu menyiasat terlebih dahulu berita yang disampaikan oleh sesiapa sahaja yang belum dipastikan kesahihannya.

Sehubungan itu, dalam isu tabayyun seperti ini, mimbar menyeru semua umat Islam supaya memperhalusi sumber sesuatu informasi yang bersifat ‘mendatangi’ iaitu sampai ke telinga dan mata kita, supaya mendapatkan penjelasan terhadap berita itu dengan merujuk kepada sumber yang benar-benar sahih dan berautoriti. Begitulah juga, apa jua informasi yang diterima, maka rujuklah kepada mereka

sesuai dengan bidang kepakaran dalam perkara tersebut. Dalam situasi akhir zaman sebegini, tabayyun terhadap segala sumber informasi yang diterima adalah amat dituntut dalam memelihara keharmonian dan kesejahteraan hidup bermasyarakat.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar ingin menegaskan kepada setiap insan yang mukmin, yang percaya dengan Hari Akhirat iaitu Hari Pembalasan, supaya memelihara mulut dan hujung jari kita perlu dijaga sebaik-baiknya di atas landasan syariat. Jika tidak, ia akan digunakan untuk menyebarkan berita palsu, memfitnah, mencela dan sebagainya tanpa disedari. Jika tidak pasti dalam sesuatu perkara, janganlah disebar.

Islam mengutamakan ilmu, lawan kepada jahil. Dalam setiap perkara, ilmu didahulukan termasuklah dalam menerima informasi. Jadikanlah diri sebagai penuntut ilmu, banyak membaca dan seumpamanya. Dengan itu, tindakan kita lebih berhati-hati, kerana dengan ilmu, kita akan menyedari pengawasan Allah *subhanahu wata'ala* Yang Maha Melihat. Bertindak atas dasar kejahilan adalah sesuatu yang dikeji di dalam Islam seperti menyebarkan sesuatu informasi yang tidak dipastikan kebenarannya. Sabda Rasulullah *sallallahu alaihiwasallam*;

كَفَى بِالْمَرْءِ كَذِبًا أَنْ يُحَدِّثَ بِكُلِّ مَا سَمِعَ

“Cukuplah seorang itu dianggap berdusta apabila dia bercakap segala apa yang dia dengar.”

Hadis riwayat Imam Muslim

Imam An-Nawawi menghuraikan Hadis ini dalam sahih Muslim bahawa hadis ini menunjukkan larangan daripada bercakap setiap apa yang dia dengar kerana apa yang didengar itu ada kemungkinan benar atau sebaliknya. Justeru, apabila dia berbicara setiap apa yang dia dengar, maka sesungguhnya dia telah mendustakan dengan berita-beritanya yang boleh jadi bukan begitu.”

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada minggu ini, khatib ingin menekankan beberapa perkara penting sebagai pengajaran dan peringatan kita bersama:

Pertama: Peliharalah diri daripada tergolong dalam kalangan mereka yang terjerumus dalam kancah fitnah, mencaci, mencela, memfitnah dan sebagainya. Peliharalah keharmonian dan kesejahteraan hidup.

Kedua: Tabayyun dalam menerima informasi adalah perkara yang dituntut, lebih-lebih lagi dalam kehidupan akhir zaman.

Ketiga: Jagalah perbuatan kita sama ada berbentuk tindakan, lisan dan tulisan supaya berada dalam landasan dan rahmat Allah *subhanahu wata'ala*.

Keempat: Rujuklah apa jua informasi yang sampai ke pengetahuan kita dengan pihak yang dipercayai dan berautoriti serta pakar tentangnya.

Dan yang **Kelima:** Tinggalkanlah perkara-perkara yang bersifat persepsi, sangkaan dan fitnah dan gantikanlah perkara yang lebih utama iaitu menuntut ilmu. Utamakanlah menuntut ilmu fardhu ain

iaitu aqidah, feqah dan akhlak serta memperkasakannya. Dalam konteks khutbah hari ini, ilmu berkaitan akhlak sesama manusia. Ilmu beginilah yang wajib dipelajari oleh setiap muslim mengikut manhaj yang betul, secara berperingkat-peringkat dan istiqamah hingga ke akhir hayat serta berpegang teguh dalam ketaatan kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Moga kita semua diberi hidayah dan kekuatan untuk beramal soleh. *Amin Ya Rabbal 'alamin*

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Al-Qalam, ayat 13:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَا تُطِعْ كُلَّ حَلَّافٍ مَّهِينٍ ﴿١٣﴾ هَمَّازٍ مَّشَاءٍ بِنَمِيمٍ ﴿١١﴾

Maksudnya: “Dan janganlah engkau patuhi setiap orang yang suka bersumpah dan suka menghina. Yang suka mencaci, lagi yang suka menyebarkan fitnah hasutan (untuk memecah belahkan orang ramai).”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama sentiasa mematuhi garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) pencegahan penularan wabak COVID-19 yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Bagi yang belum menerima vaksin, dianjurkan agar segera mendapatkannya sebagai ikhtiar untuk menyekat penularan wabak berbahaya ini dalam masyarakat. Pada masa yang sama, teruskanlah memohon keampunan dan bermunajat kepada Allah subhanahu wata'ala agar diangkat segera wabak ini daripada kita.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan hati kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19. Menangkanlah kami dalam memerangnya.

اللَّهُمَّ اشْفِنَا وَاشْفِ مَرْضَانَا وَمَرْضَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ طَهُورًا
لَهُمْ، وَاذْفَعْ مَنْزِلَتَهُمْ، وَأَبْدِلْهُمْ مِنْ بَعْدِ الْمَرَضِ صِحَّةً، وَمِنْ بَعْدِ الْبَلَاءِ
عَافِيَةً.

اللَّهُمَّ ارْحَمْ مَوْتَانَا وَمَوْتَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَارْحَمْهُمْ، وَعَافِهِمْ
وَاعْفُ عَنْهُمْ. رَبَّنَا أَتْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ
النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.